

09 SEP 2003

SEMIKONDUKTOR-FABLESS

PENGELUAR SEMIKONDUKTOR ALIH TUMPUAN KEPADA KONSEP "FABLESS"

KANGAR, 9 Sept (Bernama) -- Konsep "Fabless" atau pengeluar tanpa kilang yang semakin menjadi pilihan syarikat-syarikat semikonduktor di negara ini memberi anjakan positif kepada industri pengilangannya, kata Pengarah Eksekutif SilTerra Malaysia Sdn Bhd (SilTerra), Ahmad Pardas Senin hari ini.

Menurutnya, konsep itu bukan sahaja mengurangkan risiko pengeluar tetapi dapat mengelak bebanan pelaburan yang tinggi bagi membina dan menyenggara kilang.

Selain itu, ia juga memberi lebih banyak ruang kepada para pengeluar untuk hanya memberi tumpuan kepada kegiatan rekacipta dan pemasaran tanpa dibebankan dengan kegiatan pengilangan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar Kebangsaan mengenai Mikroelektronik 2003 di sini, Ahmad Pardas berkata, sikap baru para pengeluar itu telah merencanakan kegiatan di kilang-kilang semikonduktor sedia ada.

Sebagai contoh, beliau berkata, kilang yang dimiliki SilTerra juga telah memperoleh manfaat daripada konsep itu apabila para pengeluar menjadi pelanggan kepada kilang-kilang sedia ada.

SilTerra merupakan sebuah syarikat multinasional tempatan yang terbabit dalam perusahaan fabrikasi wafer semikonduktor bertaraf dunia beroperasi di Kulim, Kedah.

Syarikat itu yang ditubuhkan pada 1995 dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2001.

Ahmad Pardas berkata, pencapaian tertinggi syarikat itu apabila menerima pengiktirafan antarabangsa "World's Top Fab Award" atau Anugerah Fasiliti Semikonduktor Terbaik Dunia yang dikeluarkan oleh Semiconductor International Magazine.

Katanya, SilTerra kini sedang giat menjalin kerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan bagi menjalankan program pembangunan bersama bagi melahirkan penemuan-penemuan baru dalam bidang mikroelektronik.

Sementara itu, sebanyak 80 orang jurutera daripada pusat pengajian tinggi dan sektor swasta menyertai seminar tiga hari itu yang mana SilTerra menjadi penaja utamanya.

Seminar itu dianjurkan bersama kerajaan negeri Perlis, Perbadanan Institut Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (IEEE), Electron Device Society (EDS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). -- BERNAMA

AD AHM